

NO SOALAN :20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU
(SARIKEI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.10.2015

Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah wang GST telah dikutip selepas pelaksanaan GST mulai bulan April, 2015. Adakah dengan pelaksanaan GST memberikan kesan kepada peningkatan kadar inflasi negara. Berapakah kadar inflasi selepas pelaksanaan GST.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan GST bagi tempoh 1 April sehingga 30 September 2015 serta bagaimana kutipan

akan dimanfaatkan akan dibentangkan secara bersekali semasa pembentangan Bajet 2016.

Indeks Harga Pengguna bagi bulan Mac 2015 adalah pada 0.8% manakala bagi bulan April 2015 pula adalah pada 1.8% iaitu peningkatan sebanyak 1.0%. Kenaikan ini adalah konsisten dengan unjuran asal kesan inflasi daripada pelaksanaan GST iaitu sebanyak 1.08%. Walau bagaimanapun, kenaikan purata kadar inflasi dari tempoh April sehingga Ogos 2015 adalah sebanyak 2.5%. Kenaikan ini secara asasnya adalah dipengaruhi oleh faktor lain seperti penurunan nilai matawang ringgit. Dari tempoh bulan April 2015 sehingga September 2015, nilai matawang ringgit telah menyusut 19.7% berbanding dolar AS, 18.3% berbanding paun sterling, 20.8% berbanding euro dan 19.1% berbanding yen Jepun. Ringgit turut merosot 8.9% hingga 17.7% berbanding semua pasaran serantau dalam tempoh yang sama.